

TechKAL juara KIK UMS 2011

Um 21-12-2011 31

LABUAN 20 Dis. - Kumpulan TechKAL, Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan (BPP), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) menjuarai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di Dewan Kuliah Perdana 1, UMS, baru-baru ini.

Kumpulan itu diwakili oleh Jorin Matawas, Mohd. Azrie Tanjong, Abd. Sofian Abd. Ghani, Mohd Firdaus Anson, Nurazeyhan Aman, Herman Lairi, Arther Balingi, Norfizan Norisan, Rayme Musa, Mohd Ali Kassim, Ismail Alimin dan Hassan Suliman.

Mereka meraih Anugerah Inovasi Terbaik dalam kategori Teknikal dengan topik pembentangan bertajuk "Papan Lut Sinar" dan turut menduduki tempat ketiga menerusi projek inovatif "Mengurangkan Air Kotor Yang Masuk Ke Dalam Tangki Air Kolej Kediaman".

Kemenangan itu membolehkan mereka menerima hadiah wang tunai RM2,000, piala dan sijil serta akan mewakili UMS ke peringkat kebangsaan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Gombak, Selangor pada 6 hingga 8 Mac depan.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Ampon.